

# Sumber Pilihan

## ProQuest Digital Dissertations

Diselaraskan oleh **Mazmin Mat Akhir** [mazmin@unimap.edu.my](mailto:mazmin@unimap.edu.my)

Tidak sukar mengesan teks penuh tesis dan disertasi penuh daripada universiti luar negara terutama di Amerika Utara. Semenjak tahun 1951, **Association of Research Libraries (ARL)** telah mengiktiraf **University Micro-Films International (UMI)** sebagai penerbit rekod bibliografik tesis dan disertasi di Amerika. Dalam tahun 1980-an, **Bell and Howell** telah menerbitkan pangkalan data **Dissertations Abstracts Ondisc** iaitu maklumat bibliografik tesis dan disertasi yang dihasilkan oleh universiti di Amerika dalam format CD-ROM. Bermula pada tahun 1997, kandungan digital tesis mula ditawarkan melalui perkhidmatan atas talian yang dinamakan **ProQuest Digital Dissertations**. **ProQuest Digital Dissertations** merupakan satu-satunya sumber elektronik di UniMAP yang menawarkan akses kepada teks penuh tesis dan disertasi dalam bidang sains dan teknologi.

### Memasuki Proquest Digital Dissertations

1. Pautan kepada sumber elektronik disediakan melalui laman web perpustakaan di <http://mylib.unimap.edu.my>.
2. Klik pada opsyen **e-Resources**.
3. Masukkan maklumat **username e-mail** pada medan **username**.
4. Masukkan nombor kad pengenalan pada medan **password**.
5. Klik **Login**.
6. Sistem akan memaparkan senarai pangkalan data langganan Perpustakaan UniMAP.
7. Klik pada **ProQuest Digital Dissertations**.

### Memulakan Pencarian


**ProQuest Digital Dissertations** menyediakan dua kaedah pencarian iaitu **Basic Search** dan **Advanced Search**. Pengguna yang menggunakan opsyen **Basic Search** hanya perlu memasukkan perkataan atau kata punca (**keywords**) dalam petak pencarian. Bagi memudahkan pengguna, pangkalan data ini menawarkan kemudahan **More Search Options** yang menyediakan kaedah pencarian mengikut medan judul tesis atau disertasi, pengarang, institusi dan bidang perkara.

### Advanced Search

**Advanced Search** menawarkan kaedah pencarian melalui pilihan dan gabungan medan pencarian. Ini meliputi medan abstrak, penasihat atau penyelia, pengarang, program pengajian, judul tesis atau disertasi, nombor ISBN dan banyak lagi. Pengguna boleh memanfaatkan kemudahan kata punca menggunakan operator **boolean AND, OR** dan **NOT**.

### Limitasi Pencarian

**ProQuest Digital Dissertations** menyediakan kemudahan pilihan limitasi tempoh pencarian meliputi dua (2) tahun kebelakangan, lima (5) tahun kebelakangan, sepuluh (10) tahun kebelakangan, tahun semasa, tahun sebelumnya dan liputan tahun spesifik mengikut keperluan pengguna. Selain itu, pengguna juga boleh memaparkan hasil carian yang mengandungi tesis atau disertasi teks penuh sahaja dengan memilih opsyen **Full Text Documents Only**.



### Memaparkan Hasil Pencarian

**ProQuest Digital Dissertations** akan memaparkan butiran ringkas hasil pencarian mengandungi maklumat judul, pengarang, peringkat pengajian, institusi pengajian tinggi dan tahun penghasilan disertasi atau tesis. Ia menyediakan tiga (3) pilihan kepada para pengguna sama ada untuk merujuk kepada halaman abstrak sahaja, teks penuh kepada 24 halaman awal atau teks penuh kepada keseluruhan kandungan tesis dan disertasi.

### Memaparkan Kandungan Teks Penuh Tesis Dan Disertasi

Teks penuh tesis dan disertasi disediakan dalam format fail PDF. Skrin **Copyright Notification** akan dipaparkan mengandungi pernyataan tentang hak milik intelektual pengarang terhadap kandungan teks penuh tesis yang akan dipaparkan. Pengguna hanya perlu klik kepada butang **continue** untuk memaparkan kandungan teks penuh tesis.

### Memuat Turun Butiran Bibliografik Tesis Dan Disertasi

**ProQuest** menyediakan kemudahan menyimpan rekod bibliografik dalam perisian bibliografik seperti **RefWork, Procite** dan **EndNote**. Ini memudahkan kerja-kerja penyediaan bibliografi atau senarai rujukan bagi tesis dan disertasi yang telah dirujuk oleh pengguna dalam proses penulisan laporan penyelidikan. Memandangkan Perpustakaan UniMAP telah memperolehi perisian **EndNote**, pengguna **ProQuest Digital Dissertations** boleh memuat turun butiran bibliografik dengan memilih opsyen **Export** ke perisian **EndNote**. Ini boleh dilakukan dengan melengkapkan langkah berikut:

- > Buka perisian **EndNote**
- > Wujudkan fail baru untuk memuat turun maklumat bibliografik atau buka fail sedia ada
- > Tandakan (**mark**) rekod hasil pencarian yang berkaitan
- > Klik pada opsyen **Export**
- > Sistem akan memaparkan skrin **Export Citations**. Klik pada pilihan **Export directly to ProCite, EndNote or Reference Manager**
- > Pilih nama fail dalam perisian **EndNote** Maklumat bibliografik akan dipaparkan secara automatik dalam fail **EndNote** yang telah dipaparkan pada skrin

### Pertanyaan Lanjut Mengenai ProQuest Digital Dissertations

Sila hubungi **Unit Runding Maklumat** di talian (04) 979 8601 atau e-mel kepada [rujukan@unimap.edu.my](mailto:rujukan@unimap.edu.my).